

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Wang ihsan lewat kerana tuntutan meragukan

# 'Wang ihsan lewat kerana tuntutan meragukan'

**Perdana Menteri dedah ada mangsa banjir tidak terkesan turut buat permohonan**

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Putrajaya:** Kelewatan agihan Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada mangsa banjir yang tidak berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) berlaku disebabkan tuntutan yang boleh dibuat mereka yang tidak layak, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketika mendedahkan punca kelewatan itu, Perdana Menteri berkata, di sesetengah negeri,

berlaku permohonan BWI yang tinggi, iaitu sekali ganda daripada jumlah asal yang dianggarkan pihak berkuasa.

Beliau berkata, antara isu terabit ialah ada yang menuntut BWI walaupun tidak layak, manakala bantuan pembelian peralatan elektrik untuk mangsa banjir turut dituntut oleh mereka tidak terkesan secara langsung.

"Apabila kita umumkan, mereka yang tidak berpindah, tetapi terkesan akibat banjir akan diberikan bantuan, akhirnya terlalu ramai memohon dan ia agak meragukan.

"Oleh sebab itu, kita memerlukan tapisan daripada ketua kampung dan sebagainya... ada yang berpindah, tetapi air baru takat buku lali di bawah rumah. Mereka turut menuntut, walaupun tiada kerosakan dan sebagainya.

"Ada yang menuntut bantuan peralatan rosak hingga RM2,500, walaupun didapati tiada barang

yang rosak. Sebagai contoh di Selangor, ada yang tinggal di tingkat lima rumah pangsa turut membuat tuntutan, sedangkan hanya tingkat satu yang ditenggelami banjir.

"Oleh itu, ada kelewatan mengagihkan bantuan ini untuk kita mengesahkan tuntutan berkenaan," katanya ketika menyampaikan amanat kepada warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Ketua Setiausaha Unit Penyelidikan Pelaksanaan JPM memaklumkan bahawa sebanyak 97.5 peratus mangsa banjir yang berpindah ke PPS sudah menerima BWI.

Beliau berkata, bantuan tunai sebanyak RM2,500 bagi membeli peralatan rumah pula akan diberikan mulai minggu ini, manakala pengagihan baucar membaik pulih kenderaan dan pem-

belian barangan elektrik sudah bermula.

"Saya percaya dalam waktu terdekat ini, kita boleh menyelesaikan semua tuntutan itu, tidak lama lagi," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ismail Sabri mengingatkan warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) supaya bekerja dengan jujur dan berintegriti berikutan hampir semua dasar negara tertumpu pada jabatan berkenaan.

Katanya, warga JPM perlu menunjukkan contoh yang baik kepada kementerian lain dan rakyat mengenai pelaksanaan dasar kerajaan.

Katanya, kebanyakan dasar kerajaan yang diumumkan berada di bawah punca kuasa JPM termasuk seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Relanjawan 2022, agama dan isu berkaitan Sabah Sarawak.

"Seluruh mata rakyat tertumpu hampir keseluruhannya ke-


pada JPM kerana perkara berkaitan dengan negara dan rakyat terutama isu dasar, adalah di bawah JPM.

"Saya harapkan sokongan dan kerja keras semua pihak di JPM... dari pegawai, pemimpin dan kakitangan keseluruhannya," katanya.

Ismail Sabri turut meminta warga JPM lebih giat dan agresif mempromosikan konsep Keluarga Malaysia selaras tanggungjawab jabatan itu dalam hal ehwal berkaitan perkara berkenaan.

Katanya, JPM seharusnya lebih terkehadapan dalam promosi konsep Keluarga Malaysia berbanding jabatan lain.

"Bagaimana kita nak minta kementerian lain sokong konsep Keluarga Malaysia sedangkan kita sebagai 'tuan rumah' tidak melakukan sebaiknya, saya meminta tuan-tuan membantu mempromosikan Keluarga Malaysia dengan lebih giat dan agresif," katanya.



Ismail Sabri menyampaikan amanat kepada warga Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)